



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Bilangan 22 / 2006

Kepada  
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit  
Dekan-Dekan Fakulti  
Pengarah-Pengarah Kampus

Yang Berbahagia Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan

### Potongan Gaji Bagi Kakitangan Awam /UiTM

Berikutan dengan pengumuman oleh kerajaan baru-baru ini, adalah diingatkan bahawa kakitangan awam /UiTM tidak dibenarkan berhutang dan membuat potongan gaji melebihi 60 peratus daripada pendapatan bulanan mereka.

Telah didapati ada di antara kakitangan awam /UiTM ini meminjam daripada pelbagai koperasi, pihak bank dan sumber kewangan yang lain selain daripada melalui Biro Angkasa (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad), sehingga mendatangkan masalah peribadi yang boleh menjejaskan prestasi kerja dan kehidupan seharian individu dan keluarga.

Setiap Ketua Jabatan hendaklah memantau kakitangan masing-masing kerana perbuatan seperti itu boleh dikesan melalui potongan dalam penyata gaji mereka. Ketua Jabatan juga perlu melihat dari semasa ke semasa kakitangan yang boleh dikategorikan sebagai menanggung kesusahan kerana hutang.

Kakitangan awam /UiTM yang didapati berhutang kewangan yang serius atau membuat potongan gaji melebihi 60 peratus daripada pendapatan kasar bulanan mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan 12(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan boleh dijatuhkan salah satu hukuman di bawah Peraturan 40 Akta yang sama.

YBhg. Dato'/ Datin/ Prof/ Tuan / Puan diharap dapat memaklumkan kepada staf masing-masing mengenai perkara ini dan implikasi yang mungkin timbul akibat daripada perbuatan tersebut.

Sekian. Harap Maklum

Yang benar



**RABIAH LATIF**  
Pendaftar

Bil. Fail : 100-BPD(UPD.6/3)  
Tarikh : 22 Mac 2006

*HAHA/wm*